

31 OCT 1998

REUTERS-MSK/I

REUTERS KENAL PASTI PROJEK BERNILAI RM20 JUTA BAGI MSC

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Reuters Limited, agensi berita yang beralih kepada organisasi multimedia berteknologi tinggi telah mengenalpasti projek bernilai RM20 juta untuk dilaksanakan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi tempoh lima tahun yang akan datang, kata pengarah urusan Reuters Asia, Jeremy Penn.

Menurutnya, beliau berharap syarikat itu dapat mengambil kesempatan daripada prasarana yang disediakan di MSC untuk mengembangkan operasinya.

Pastinya, jangkaan syarikat dalam MSC adalah sama iaitu untuk mengembangkan operasi dan kegiatan multimedia mereka, katanya kepada pemberita selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan pejabat baru Reuters Malaysia di Menara Berkembar Petronas, bangunan menara tertinggi di dunia, di sini.

Reuters diberikan status MSC daripada kerajaan Malaysia pada 1 Jun tahun ini.

Penn menekankan keperluan bagi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), pengurus MSC, menempatkan prasarana dan suasana yang boleh digunakan dan membantu bagi syarikat untuk memasukinya.

Beliau juga berkata Reuters tidak mempunyai sebarang penyusunan di negara-negara lain yang sama dengan MSC.

"Kami akan memberikan komitmen tinggi terhadap MSC dan akan terus menyertai dan menyokong pembangunan MSC untuk menyokong perniagaan multimedia dan teknologi maklumat (IT)," tambahnya.

Penn juga memberikan jaminan bahawa Reuters akan terus memberikan aliran berita yang tepat dan boleh dipercayai serta maklumat kepada pelanggan terutama masyarakat perniagaan.

Reuters membelanjakan kira-kira RM4.5 juta bagi pejabat baru di KL yang juga termasuk pusat pengedaran data teknikal baru untuk menyediakan perkhidmatan cekap kepada 600 pelanggan tempatan.

Reuters juga mengembangkan 300 siri produknya di seluruh dunia dengan tambahan Malaysia dan data serantau; mengedarkan berita Agensi Berita Nasional Malaysia (Bernama) kepada pangkalan pelanggan global Reuters; dan mengekod berita Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi produk pangkalan data teks Reuters.

Sementara itu, pengurus negara bagi Reuters Malaysia dan Brunei, Gudrun Nienaber berkata Reuters akan membentuk sebuah pusat pengurusan serantau untuk menyediakan pengurusan akaun telefon efektif kepada pelanggan di Asia Tenggara.

-- BERNAMA

RIZ ZK MA